



Rujukan Kami : JUPEM.BKP (S) 500-3/7/1/4 (18)

Tarikh : 11 Disember 2021

EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBrs. Dr./Tuan,

PERMOHONAN KEMASUKAN KE LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT - SME*) DI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bilangan 6 Tahun 2018 yang bersidang pada 5 Oktober 2018 telah bersetuju meluluskan bidang dan sub bidang bagi kemajuan kerjaya laluan pakar bidang khusus (*Subject Matter Expert - SME*) bagi skim perkhidmatan Juruukur. Butiran bidang dan sub bidang yang diluluskan adalah seperti ketetapan berikut:

BIDANG TERAS	BIDANG KEPAKARAN	SUB BIDANG
Pengukuran dan Pemetaan	1. Kadaster	i. Ukuran Kadaster ii. Perundangan Kadaster iii. Ukuran Strata / Stratum / 3D Kadaster iv. Penawanan Data <i>Terrestrial</i> dan 3D <i>Modelling</i>
	2. Pemetaan	i. Pemetaan <i>Light Detection and Ranging</i> (LiDAR) dan <i>Synthetic Aperture Radar</i> (SAR) ii. Pembangunan Data Geospatial (Kualiti dan Standardisasi)

BIDANG TERAS	BIDANG KEPAKARAN	SUB BIDANG
Pengukuran dan Pemetaan		iii. Pemetaan <i>Unmanned Aerial Vehicle</i> (UAV) dan <i>Drone</i> iv. Pemetaan Utiliti
	3. Geodetik	i. Satelit Geodetik (GPS) ii. Sistem Rujukan Koordinat iii. Astronomi Geodetik
	4. Persempadanan	i. Persempadanan Maritim ii. Persempadanan Darat

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini mempelawa calon-calon yang berminat dan berkelayakan untuk memohon laluan SME ini berdasarkan kepada **syarat-syarat asas** seperti ketetapan berikut:

- i. Pegawai yang telah disahkan di jawatan Juruukur Gred 44/48/52/54 atau setaraf, termasuk Juruukur Gred J44 yang berada di jawatan Gred Fleksi J41/J44;
- ii. Berkhidmat secara tetap sekurang-kurangnya lapan (8) tahun dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- iii. Berkhidmat dalam bidang khusus yang sama sekurang-kurangnya lima (5) tahun bagi pegawai dalam bidang profesional/teknikal atau sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun bagi pegawai dalam bidang pengurusan. LKPPA bersetuju bahawa tempoh minimum berkhidmat dalam bidang kepakaran ialah lima (5) tahun sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 - Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan;
- iv. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- v. Bebas daripada hukuman tatatertib;

- vi. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- vii. Telah mengisytiharkan harta;
- viii. Mencapai markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 85% dan ke atas untuk tiga (3) tahun terkini secara berturut-turut; dan
- ix. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4. Perincian tahap kepakaran, syarat asas, kriteria umum dan kriteria khusus yang telah dipersetujui adalah seperti di **Lampiran B**. Oleh yang demikian, **Jawatankuasa Kerja (JKK)** akan melaksanakan penilaian ke atas permohonan yang diterima dan calon-calon yang berjaya melepasi kesemua penilaian, akan dibawa ke **Jawatankuasa Induk (JKI)** bagi tujuan perakuan sebelum diangkat untuk pertimbangan LKPPA. Calon yang berjaya diiktiraf sebagai pegawai SME oleh LKPPA akan diberi satu (1) gred pemangkuhan yang lebih tinggi dan perlu melaksanakan tugas **SME Special Assignment (SSA)**.

5. Untuk makluman YBrs. Dr./Tuan juga, calon-calon yang berminat boleh membuat semakan menggunakan borang penilaian kriteria bagi kemasukan laluan SME melalui pautan <https://www.jupem.gov.my/halaman/subject-matter-expert-sme> untuk mengetahui status kelayakan masing-masing. Calon-calon perlu memperoleh markah penilaian SME 83% dan ke atas bagi membolehkan permohonan mereka dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kerja SME JUPEM. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi dan melengkapkan borang-borang seperti berikut:

- i. **Lampiran C** - Borang Permohonan SME (disertakan bersama dokumen-dokumen pembuktian dengan sebahagian dokumen disahkan); dan
- ii. **Lampiran D** - Surat Akuan Pinjaman Pendidikan.

(Nota: Borang permohonan juga boleh dimuat turun melalui pautan seperti berikut <https://www.jupem.gov.my/halaman/subject-matter-expert-sme>)

6. Sehubungan dengan itu, permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia **selewat-lewatnya pada 31 Mac 2022 (Khamis)**. Untuk kefahaman lanjut berhubung perkara ini, YBrs. Dr./Tuan adalah disarankan untuk merujuk kepada **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 - Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert - SME) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan**. Sebarang pertanyaan berhubung urusan permohonan ini boleh diajukan kepada pegawai-pegawai seperti berikut:

- i. Encik Mohd Dhaniel bin Mohd Sufian - 03-2617 0806
dhaniel.sufian@jupem.gov.my
- ii. Encik Hazwan Fitri bin Harun - 03-2617 0783
hazwan@jupem.gov.my

7. Untuk makluman YBrs. Dr./Tuan juga, hanya permohonan daripada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam hebahan ini akan diproses. **Calon yang tidak layak dan permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.** Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./Tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZLIZA BINTI SHAHARUDDIN)
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

s.k.:

KPUP

TKPUP I

TKPUP II

SENARAI EDARAN

Ibu Pejabat:

Pengarah Ukur Bahagian Ehwat Persempadanan
Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Ukur Geodetik
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Semenanjung
Pengarah Ukur Bahagian Perancangan dan Korporat
Pengarah Ukur Bahagian Pangkalan Data Geospasial Negara
Pengarah Ukur Bahagian Kartografi dan GIS
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Utiliti
Pengarah Bahagian Geospasial Pertahanan

Negeri:

Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor
Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor
Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang
Pengarah Ukur dan Pemetaan Perak
Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah
Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya
Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Sabah

Pengarah Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang

Pengarah Ukur dan Pemetaan Kelantan

Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu

Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak

Pengarah Ukur dan Pemetaan Melaka

Pengarah Ukur dan Pemetaan Perlis

Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Labuan

Kader JUPEM:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Pembangunan dan Pelaksana Projek
(Unit Kejuruteraan Ukur Tanah)
Aras 8, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA.
(u.p.: Puan Nor Akmar binti Abdul Karim)

Ketua Pengarah
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri, Aras LG & G, Blok Barat
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA.

Ketua Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Aras 9, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA.
(u.p.: Encik Mohamad Faizal bin Mansor)

Pengarah
Pusat Geospasial Negara (PGN)
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Aras 7 & 8, No. 25 Persiaran Perdana
Wisma Sumber Asli, Presint 4
62574 PUTRAJAYA.
(u.p.: Puan Hasniah binti Hassan)

Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
Tingkat 8, Blok F
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR.
(u.p.: Puan Rozilah binti Nordin)

•Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Behrang
35950 Tanjong Malim
PERAK DARUL RIDZUAN.

Setiausaha Bahagian
Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan
Tingkat 12, Wisma Sumber Asli
No.25 Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA.

TAHAP KEPAKARAN, SYARAT ASAS, KRITERIA UMUM DAN KRITERIA KHUSUS LALUAN KERJAYA SME DI JUPEM

1. Tahap Kepakaran

Bidang Teras	Bidang Kepakaran	Sub Bidang	Tahap Kepakaran
Pengukuran dan Pemetaan	1. Kadaster	1. Ukuran Kadaster	2 - 4
		2. Perundangan Kadaster	3 - 4
		3. Ukuran Strata / Stratum dan 3D Kadaster	2 - 4
		4. Penawanan Data <i>Terrestrial</i> dan 3D Modelling	1 - 4
	2. Pemetaan	5. Pemetaan <i>Light Detection and Ranging</i> (LiDAR) / <i>Synthetic Aperture Radar</i> (SAR)	2 - 4
		6. Pembangunan Data Geospasial (Kualiti dan Standardisasi)	3 - 4
		7. Pemetaan Unmanned Aerial Vehicle (UAV) / Drone	1 - 4
		8. Pemetaan Utiliti	3 - 4
	3. Geodetik	9. Satelit Geodetik (GPS)	1 - 4
		10. Sistem Rujukan Koordinat	1 - 4
		11. Astronomi Geodetik	1 - 4
	4. Persempadanan	12. Persempadanan Maritim	2 - 4
		13. Persempadanan Darat	1 - 4

Petunjuk Tahap Kepakaran SME:

Tahap SME	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4
Gred Hakiki	44	48	52	54
Gred SME	48	52	54	Khas C

2. Syarat- syarat Asas

Syarat-syarat asas ke laluan SME adalah seperti berikut:

- i. Pegawai yang telah disahkan di jawatan Juruukur Gred J44/J48/J52/J54 atau setaraf, termasuk Juruukur Gred J44 yang berada di jawatan Gred Fleksi J41/J44;
- ii. Berkhidmat secara tetap sekurang-kurangnya lapan (8) tahun dalam Kumpulan Pengurusan dan Professional;
- iii. Berkhidmat dalam bidang khusus yang sama sekurang-kurangnya lima (5) tahun bagi pegawai dalam bidang professional teknikal atau sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun bagi pegawai dalam bidang pengurusan. LKPPA bersetuju bahawa tempoh minimum berkhidmat dalam bidang kepakaran ialah lima (5) tahun sebagaimana yang ditetapkan di dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 – Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.**
- iv. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- v. Bebas daripada hukuman tatatertib;
- vi. Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar dari institusi pinjaman pendidikan;
- vii. Telah mengisytiharkan harta; dan
- viii. Mencapai markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 85% dan ke atas tiga (3) tahun terkini secara berturut-turut.

Selain memenuhi syarat-syarat asas, pegawai juga perlu mencapai markah keseluruhan tidak kurang daripada 85% bagi kriteria umum dan khusus.

3. Kriteria Umum, Kriteria Khusus

Kriteria Umum, Kriteria Khusus (kriteria kemasukan ke laluan SME) berserta wajaran markah adalah seperti berikut:

Kriteria		Tahap	1	2	3	4
Kriteria Umum						
1.	Pencapaian Akademik	Markah	7	7	7	7
2.	Sumbangan	Markah	10	12	13	14
3.	Anugerah / Pengiktirafan	Markah	8	6	5	4
4.	Penilaian 360°	Markah	5	5	5	5
Jumlah Markah			30	30	30	30
Kriteria Khusus						
1.	Konsultasi / Khidmat Perundingan	Markah	40	40	40	40
2.	Penulisan / Penerbitan / Pembentangan	Markah	20	20	20	20
3.	Kelayakan Profesional	Markah	10	10	10	10
Jumlah Markah			70	70	70	70
Jumlah Markah Keseluruhan			100	100	100	100

Syarat Umum	
Pencapaian Akademik	Memiliki Ijazah Pertama (dalam bidang ukur tanah / geomatik) / Sarjana / PhD berkaitan bidang ukur, pemetaan dan pengurusan data geospasial.
Sumbangan	Memberi ceramah / tenaga pengajar / fasilitator dalam bidang ukur, pemetaan dan pengurusan data geospasial di peringkat jabatan dan luar jabatan.
Anugerah / Pengiktirafan	Memiliki sijil kompetensi / penghargaan / penyertaan berkaitan bidang ukur, pemetaan dan pengurusan data geospasial serta bidang lain yang diiktiraf jabatan.
Tapisan 360°	Penilaian prestasi dan kualiti pegawai oleh pegawai atasan, <i>piers</i> dan bawahan daripada aspek pengetahuan, tingkah laku dan kepimpinan.

Perincian Kriteria Khusus	
Konsultasi / Khidmat Rundingan	Penglibatan sebagai pakar rujuk / penggubal / ahli dalam pelbagai Jawatankuasa Kerja / Kumpulan Kerja / Pasukan Kerja Teknikal di peringkat Jabatan dan luar Jabatan seperti menggubal spesifikasi / kertas peperiksaan, manual, garis panduan, arahan teknik, projek khas, perolehan tender / sebut harga dan lain-lain yang berkaitan dengan bidang ukur, pemetaan dan pengurusan data geospasial.
Penulisan / Penerbitan / Pembentangan	Menulis/ menerbit / membentangkan kertas kerja / penerbitan ilmiah / garis panduan / dasar / prosedur / tatacara / hasil kajian penyelidikan dalam bidang kepakaran di peringkat Jabatan / Kebangsaan / Antarabangsa.
Kelayakan Profesional	Berdaftar sebagai ahli Pertubuhan Juruukur Di Raja Malaysia (RISM) / Ditauliahkan sebagai Juruukur Berdaftar oleh Lembaga Juruukur Tanah (LJT).

**BORANG PERMOHONAN
LALUAN KERJAYA PAKAR BIDANG KHUSUS
(SUBJECT MATTER EXPERT – SME)**



A. BUTIRAN PERMOHONAN

- a) Bidang Teras :
- b) Bidang Kepakaran :
- c) Sub Bidang Khusus :
- d) Tahap :

B. BUTIR-BUTIR PERIBADI

- e) Nama :
- f) No. Kad Pengenalan :
- g) Tarikh Lahir :
- h) Umur :
- i) Jantina :
- j) No. Telefon : (Pej) (H/P)
- k) Alamat Emel : (Pej)
(Personal)

C. BUTIRAN PERKHIDMATAN

- a) Skim Perkhidmatan :
- b) Jawatan :
- c) Gred Jawatan Hakiki :
- d) Tarikh Lantikan Pertama dalam Kumpulan (P&P) :
- e) Tempoh Perkhidmatan dalam Kumpulan (P&P) :
- f) Tarikh Lantikan Jawatan Sekarang :
- g) Tempat Bertugas Sekarang :

C1. RINGKASAN PENGALAMAN KERJA DALAM BIDANG KEPAKARAN

(Mohon lampirkan satu (1) salinan kenyataan perkhidmatan yang telah dikemas kini dan disahkan)

Bil.	Bahagian / JUPEM Negeri / Agensi	Tempoh Perkhidmatan (Tarikh Mula dan Tarikh Akhir)	Gred Jawatan	Bidang Tugas

(Sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi, calon boleh mengemukakan lampiran tambahan dan dikepulkan bersama-sama dengan borang permohonan)

KRITERIA UMUM

D. PENCAPAIAN AKADEMIK

(Mohon lampirkan dokumen pembuktian yang disahkan)

Bil.	Kelayakan Akademik Yang Diperoleh	Pengkhususan	Tahun Diperoleh	Institusi Akademik
1.	Ijazah Pertama			
2.	Sarjana			
3.	Ph.D			

E. SUMBANGAN

(Mohon lampirkan dokumen pembuktian yang disahkan)

Bil.	Sumbangan Kepakaran (Ceramah / Tenaga Pengajar / Fasilitator / Projek)	Tahun	Peringkat (Jabatan / Luar Jabatan)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			

F. ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN

(Mohon lampirkan dokumen pembuktian yang disahkan)

Bil.	Anugerah / Pengiktirafan (Sijil Kompetensi / Kecemerlangan / Penghargaan / Penyertaan)	Tahun	Peringkat (Jabatan / Luar Jabatan)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6			

KRITERIA KHUSUS**G. KONSULTANSI / KHIDMAT PERUNDINGAN**

(Mohon lampirkan dokumen pembuktian yang disahkan)

Bil.	Jawatankuasa Kerja / Kumpulan Kerja / Pasukan Kerja	Peringkat (Jabatan / Luar Jabatan)	Tahun	Tahap Penglibatan (Ketua / Ahli) dan Skop Tugas
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6				

H. PENULISAN / PENERBITAN / PEMBENTANGAN

(Mohon lampirkan dokumen pembuktian yang disahkan)

Bil.	Tajuk	Anjuran	Tahun	Peringkat (Jabatan / Luar Jabatan)
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				

I. KELAYAKAN PROFESIONAL

(Mohon lampirkan dokumen pembuktian yang disahkan)

Bil.	Sijil Keahlian / Pertauliahan	Badan Profesional	Tahun
1.			
2.			
3.			

J. PERAKUAN

Saya _____ nombor kad Pengenalan _____

dengan ini mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberi adalah benar, dan akur dengan perkara-perkara seperti berikut:

- a. memahami maklumat yang dikemukakan di atas bertujuan menilai tahap kepakaran saya;
- b. sekiranya saya berjaya mendapat pengiktirafan kepakaran, saya memahami kesan-kesan ke atas kemajuan kerjaya saya jika tidak menunjukkan prestasi kepakaran yang baik atau memohon bertukar laluan; dan
- c. boleh dikenakan hukuman tatatertib sekiranya mengemukakan maklumat palsu dan ditarik semula pemangkuan/ kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

K. PERAKUAN KETUA JABATAN

Disokong / Tidak Disokong
(Potong mana yang tidak berkenaan)

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cap Ketua Jabatan :

L. BUTIRAN PERKHIDMATAN UNTUK TINDAKAN URUS SETIA

1. Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)

Tahun _____	<input type="text"/>
Tahun _____	<input type="text"/>
Tahun _____	<input type="text"/>

2. Tarikh kenaikan pangkat terakhir : _____

3. Cuti Tanpa Gaji

Tiada

Ada Tarikh hingga

4. Tindakan / Hukuman Tatatertib

(Sekiranya ada, sila lampirkan Surat Pertuduhan dan Surat Keputusan Lembaga Tatatertib)

Tiada

Ada

Jenis Hukuman : _____

Tarikh Hukuman : _____

5. Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

(Sila lampirkan salinan Laporan Tapisan Keutuhan SPRM terkini)

Lulus pada _____

Menunggu laporan SPRM

Gagal

6. Pengisytiharan Harta (5 tahun terkini)

Telah isytihar pada _____

Belum isytihar

Kepada :

Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan

SURAT AKUAN PINJAMAN PENDIDIKAN

Saya _____
No. K/P _____ mengesahkan bahawa :

Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan.

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada _____
mulai tarikh _____ hingga _____
sebanyak RM _____ dan saya masih belum membuat sebarang bayaran.

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada _____
mulai tarikh _____ hingga _____
sebanyak RM _____ dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai / potongan gaji mulai _____.

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada _____
mulai tarikh _____ hingga _____
sebanyak RM _____ dan saya telah pun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada _____.

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan Pegawai

Nama : _____
Jawatan : _____
Alamat Jabatan : _____
Tarikh : _____